

**NO. SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH : 21 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9657**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang telah mati dalam tahanan polis sejak 2010 (dari tahun ke tahun) dan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk memastikan keselamatan tahanan-tahanan yang berada dalam tahanan polis.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut sebab kematian adalah seperti berikut:**

BIL	PUNCA KEMATIAN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	HIV				1	1			2
2	SAKIT ASMA						1		1
3	SAKIT JANTUNG	3	1	2	1	2	1	2	12
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING,ULSER, PARU-PARU,KERONGKONG)	5	15	13	15	15	10	11	84
5	PENDARAHAN OTAK							1	1
6	GANTUNG DIRI	1	1	4	2	0	0	1	9
7	GADUH SESAMA OKT								0
8	DICEDERAKAN POLIS				1				1
	<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>17</b>	<b>19</b>	<b>20</b>	<b>18</b>	<b>12</b>	<b>15</b>	<b>110</b>

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, PDRM telah menyemak semula *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya:

- (i) memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;
- (ii) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit dan berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;
- (iii) lawatan oleh SUHAKAM untuk menentukan SOP dipatuhi;
- (iv) orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan sama ada tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan mabuk, penjenayah yang *habitual*, tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;
- (v) pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan
- (vi) menjadikan naziran lokap polis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Dalam

**Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini, 8 buah lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**